KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	30/10/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	PERHILITAN			

Sinar 30 Okt 2021_30

Harimau tular di Jalan Jemaluang bukan harimau sama di Kluang

MERSING - Harimau belang yang dilaporkan ditemui orang awam di Jalan Jemaluang di sini Rabu lepas dipercayai bukan harimau sama seperti yang ditemui di Hutan Simpan Lenggor, Kluang, minggu lepas.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor, Aminuddin Jamin berkata, ini kerana berdasarkan siasatan, lokasi kedua-dua haiwan itu ditemui adalah pada jarak yang agak jauh.

"Bagaimanapun orang ramai yang berdepan situasi ternampak harimau belang ketika sedang menaiki kenderaan di mana-mana sahaja, segera salurkan maklumat kepada Perhilitan untuk tindakan lanjut.

"Jangan cuba turun daripada kenderaan, membaling objek atau mencederakan haiwan tersebut yang dikhuatiri mendorong mereka untuk bertindak balas (secara agresif)," katanya pada Jumaat.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa memantau Hutan Simpan Lenggor dan memasang perangkap kamera bagi memudahkan usaha menjejaki haiwan berkenaan.

"Sifat sebenar harimau belang tidak menampakkan diri mereka namun lokasi penemuan haiwan liar itu didapati di dalam kawasan Taman Negara Endau-Rompin yang mana merupakan habitat dan kawasan keliarannya.

"Justeru itu, kita ingin mengingatkan orang ramai agar tidak melakukan sebarang provokasi sekiranya terserempak dengan haiwan liar termasuk harimau dan gajah yang cenderung menyerang mangsa jika berasa terancam atau untuk mendapatkan makanan," katanya.

Pada 20 Oktober lepas, media melaporkan dua rakaman video memaparkan gelagat beberapa individu yang terserempak dengan haiwan pemangsa berkenaan di Hutan Simpan Lenggor membunyikan hon kenderaan, tular di media sosial.

Susulan itu, baru-baru ini, tular di media sosial mengenai sepasang suami isteri Mohd Shahrum Salleh, 36, dan Nurhidayahlaily Su'alman, 32, berdepan detik cemas apabila mendakwa melihat seekor harimau belang ketika sedang menaiki kereta di Jalan Jemaluang. -*Bernama*